

13 SEP 2002

MAHATHIR-TRI

TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN TRI BUAT LAPORAN POLIS, KATA DR MAHATHIR

BUKIT KAYU HITAM, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, adalah menjadi kewajipan dan hak pengurusan serta lembaga pengarah Technology Resources Industries Berhad (TRI) membuat laporan berhubung penyalahgunaan dana dalam syarikat itu.

Katanya, pengurusan TRI perlu mengambil tindakan sekiranya dalam siasatan mereka mendapati wujud perkara yang salah telah dilakukan oleh pengurusan terdahulu.

"Adalah menjadi kewajipan pihak pengurusan dan lembaga pengarah untuk mengambil tindakan berhubung penyalahgunaan dana itu," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian kilang Asian Composites Manufacturing Sdn Bhd di sini hari ini.

Dr Mahathir dimita mengulas tindakan TRI yang membuat laporan polis semalam terhadap invois-invois palsu bernilai RM259.31 juta yang dikeluarkan pada tahun 1998 dan 1999 yang ketika itu diterajui pengerusinya Tan Sri Tajudin Ramli.

Pengerusi TRI yang baru dilantik Datuk Dr Mohd Munir Abdul Majid berkata, keputusan membuat laporan polis itu diambil pada mesyuarat khas Lembaga Pengarah TRI, Selasa lepas. -- BERNAMA

MZM RZS OS